



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

30 JANUARI 2023 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

30 JANUARI 2023 (ISNIN)

KPDN bincang selesai isu kualiti akses internet

Pertemuan dengan syarikat telekomunikasi diharap atasi aduan daripada pelanggan

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bhnews@bh.com.my

Kluang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan pertemuan dengan semua syarikat telekomunikasi negara minggu depan bagi membincangkan mengenai kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan mereka ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata langkah itu dibuat susulan KPDN kerap menerima aduan daripada pengguna bukan saja di luar bandar tetapi juga di kawasan bandar mengenai kesukaran mendapatkan akses internet dan gangguan talian tetap.

"Misalnya saya pelanggan sebuah syarikat lebih 20 tahun, tetapi gangguan dari segi panggilan kita terima bila bercakap talian terputus. Kemudian kita ditawarkan dengan WiFi tidak bermutu, pakai panggilan WhatsApp pun sama juga.

"Ini menunjukkan ia tidak sepadan dengan pakej yang kita bayar, apabila kita lewat bayar sedikit mereka akan potong talian kita, padahal kita ini pe-



Salahuddin menyampaikan bantuan Bakul Rahmah kepada mangsa banjir di PPS Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kluang, semalam. (Foto BERNAMA)

langgan setia.

"Mereka perlu jawab persoalan dan aduan yang rakyat buat ini. Saya harap perkara ini dapat kita selesaikan dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Pusat Latihan Jabatan Kemajuan Orang Asli di sini, semalam.

Berhubung perkhidmatan Touch 'n Go (TNG), Salahuddin berkata, kementeriannya memberi tempoh kepada syarikat pengendali TNG sehingga awal Mac depan bagi menyelesaikan beberapa aduan yang dibangkitkan pengguna sebelum ini.

Tempoh diberi relevan

Ahli Parlimen Pulau itu berkata, tempoh yang diberikan itu relevan untuk pihak syarikat pengendali memperbaiki sistem sedia ada sebelum mereka dipanggil semula untuk dikenakan tindakan sekiranya tiada perubahan dibuat dalam tempoh diberikan.

"Saya sangat prihatin dengan isu kad NFC (Komunikasi Medan Dekat) TNG RM10 yang sukar didapati (di pasaran), tetapi harga RM40 ada pula. Saya sudah minta pihak TNG buat (penjualan) lambakan segera, terutama di stesen minyak lebuhraya.

"Saya akan tinjau tiga hingga empat hari ini dengan singgah di

mana-mana dan saya akan tanya ada tidak stok kad itu kerana semua pihak kena menyenangkan rakyat bukan susahkan rakyat," katanya.

Beliau berkata, KPDN pada masa sama mengalu-alukan sebarang aduan berhubung kegiatan penjualan kad NFC di pasaran pada harga berlipat kali ganda oleh individu tidak bertanggungjawab.

Kad NFC membolehkan pengguna membuat tambah nilai pada bila-bila masa dan di mana-mana menggunakan aplikasi TNG eWallet yang terdapat di peranti mudah alih, selain pengguna tidak dikenakan sebarang surcaj apabila tambah nilai dilakukan.

Nakhoda kapal tunda diberkas seludup diesel RM75,000

SIBU – Cubaan dua nakhoda kapal tunda untuk menye- ludup 17,000 liter diesel bernilai RM75,000 terbongkar apabila diberkas dalam serbuan di Pulau Kerto di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibu, Asisten Komisioner Zulkipli Su- haili berkata, suspek berusia 61 dan 74 tahun itu ditahan dalam Op Kotraban dan Op Pensura oleh anggota Pasukan Polis Marin

Wilayah 5 pada pukul 11 malam.

“Kapal itu ditahan ketika ang- gota melakukan operasi rutin. Hasil pemeriksaan mendapati, kapal itu membawa 17,000 liter diesel bernilai RM75,000.

“Nakhoda itu ditahan kerana gagal menunjukkan bukti berdo- kumen atau permit kebenaran daripada Kementerian Perda- gangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),” katanya.

Menurut Zulkipli, kesemua barang rampasan dan suspek di- serahkan kepada KPDN Bahagian Sibu bagi membantu siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

30 JANUARI 2023 (ISNIN)

PROTECTING CONSUMERS

REVIEW EFFECTIVENESS OF MYCC

THE Federation of Malaysian Consumer Associations (Fomca) supports the domestic trade and cost of living minister stopping any alleged abuse of consumers.

The Competition Act 2010 was established to prevent monopolistic behaviour by companies that abuse their position, causing suffering to consumers.

Fomca had filed a complaint with the Malaysian Competition Commission (MyCC) on Oct 30, 2018, about Touch 'n Go (TnG) allegedly abusing consumers because of its monopolistic position.

On Aug 28, 2020, MyCC responded that it had undertaken an investigation and according to the results of its inquiry, "the issues raised do not raise any competition concern".

However, another issue arose when TnG informed motorists that Radio Frequency Identification (RFID) would replace SmartTag, resulting in anger among consumers.

Fomca said consumers should be given a choice and not forced into buying RFID. MyCC was silent.

Fortunately, the then prime minister, who was previously domestic trade, cooperatives and consumerism minister, said consumers should

be given a choice.

RFID is being sold for RM35. Being a monopoly, a company can overcharge consumers.

MyCC refused to act to liberalise the sector to ensure open competition whereby consumers would benefit from lower prices and better quality.

MyCC continues to remain silent despite complaints by consumers.

In light of these complaints and practices, Fomca welcomes the action by the new minister to form a task force to probe into complaints and issues concerning TnG.

The minister clearly is concerned about consumer welfare and protec-

tion. Beyond TnG, Fomca also calls on the minister to review the effectiveness of MyCC in protecting consumers.

A failed MyCC would result in higher prices, lower quality and limited choice of goods and services.

In the face of rising cost of living, consumers would suffer further.

Fomca has since 1998 fought for the creation of the Competition Law, which was enacted in 2012.

We believe that a free market, free from monopolistic abuses, will benefit consumers through lower prices, better quality and more variety of goods.

For example, if the sales of RFID had been liberalised, free competition

would have greatly lowered the price.

MyCC was formed for just that purpose: to liberalise the economy and eliminate monopolistic behaviour.

So Fomca again calls on the minister to review the Competition Commission to make it more effective to protect consumers.

The commission should be strengthened to ensure that it fulfils its purpose of protecting consumers and to boost consumer wellbeing.

PAUL SELVA RAJ

Secretary-General,
Federation of Malaysian Consumers
Associations



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

30 JANUARI 2023 (ISNIN)

BERITA ONLINE BERTARIKH 30 JANUARI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-Jan	'Menu Rahmah RM4.90 masih menguntungkan peniaga'	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/menu-rahmah-rm4-90-masih-menguntungkan-peniaga-404143%3famp=1	ASTROAWANI
30-Jan	KPDN akan bertemu syarikat telekomunikasi bincang kualiti perkhidmatan	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/425661	THEMALAYSIANINSIGHT
30-Jan	KPDN akan bertemu syarikat telekomunikasi bincang kualiti perkhidmatan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-akan-bertemu-syarikat-telekomunikasi-bincang-kualiti-perkhidmatan-404135%3famp=1	ASTROAWANI
30-Jan	KPDN akan bertemu syarikat telekomunikasi bincang kualiti perkhidmatan	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2160108	BERNAMA
30-Jan	Pertemuan KPDN dengan syarikat telekomunikasi minggu depan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/56205-pertemuan-kpdn-dengan-syarikat-telekomunikasi-minggu-depan	BERITARTM
30-Jan	KPDN to meet telcos over service quality — Minister	https://selangorjournal.my/2023/01/kpdn-to-meet-telcos-over-service-quality-minister/	SELANGORJOURNAL
30-Jan	Domestic Trade Ministry to meet telcos over service quality, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/01/29/domestic-trade-ministry-to-meet-telcos-over-service-quality-says-salahuddin	THESTAR
30-Jan	KPDN jumpa syarikat telekomunikasi minggu depan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/930597/kpdn-jumpa-syarikat-telekomunikasi-minggu-depan	HM
30-Jan	Domestic trade minister: Ministry to meet telcos over service quality	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/01/29/domestic-trade-minister-ministry-to-meet-telcos-over-service-quality/52474	MALAYMAIL
30-Jan	Meeting with telcos next week to discuss quality of services	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/01/29/meeting-with-telcos-next-week-to-discuss-quality-of-services/	FMT
30-Jan	Domestic Trade Ministry to meet telcos next week to talk quality of services	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/01/874640/domestic-trade-ministry-meet-telcos-next-week-talk-quality-services	NST
30-Jan	Domestic Trade Ministry to meet telcos over service quality: Salahuddin	https://www.thevibes.com/articles/news/84224/domestic-trade-ministry-to-meet-telcos-over-service-quality-salahuddin	THEVIBES